

09/06/1999

Anwar kemuka bantahan pembatalan saman malu

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan bantahan awal terhadap permohonan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membatalkan saman malu RM100 juta berhubung kenyataan yang didakwa menghina bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Bantahan itu dibuat menerusi affidavit balasan Anwar yang difailkan menerusi Tetuan Karpal Singh & Co di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil Wisma Denmark, kira-kira jam 2 petang tadi.

Anwar pada 25 Januari lalu mengemukakan saman berkenaan terhadap Dr Mahathir berhubung satu kenyataan Perdana Menteri dalam satu sidang akhbar pada 22 September dengan mendakwa Anwar ada melakukan hubungan homoseksual.

Dr Mahathir pada 25 Mei lalu pula mengemukakan permohonan pembatalan berkenaan mengikut Aturan 18 Kaedah 19 (1)(a)(b)(c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dengan satu affidavit sokongan.

Alasan permohonan itu adalah bahawa pernyataan tuntutan berkenaan tidak mempunyai sebab munasabah; mengaibkan; remeh; menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Anwar dalam affidavit balasannya hari ini memohon supaya tuntutan samannya terhadap Dr Mahathir itu diteruskan dan permohonan Perdana Menteri itu ditolak dengan kos.

Menurutnya, permohonan Dr Mahathir adalah cacat dan gagal mematuhi peraturan Aturan 18 Kaedah 19 (2).

"Defendan menggunakan perkataan tersebut secara palsu, berniat jahat dan juga dengan secara melulu didorong niat jahat dan tanpa berhati-hati pada masa ia dituturkan," katanya.

Dengan itu, kata Anwar, tuntutannya terhadap defendan adalah kukuh dan nyata boleh dikekalkan.

Selain itu, katanya, beberapa perkara yang terkandung dalam affidavit Dr Mahathir berhubung dakwaan salah laku seks antaranya dengan Munawar dan Sukma perlu dibuktikan di mahkamah ketika perbicaraan nanti.

(END)